

Najib mesti buktikan tuduhan satu penindasan

Mahkamah
perlu lihat
fakta dalam
setiap kes

Oleh Ahmad Johari Ali
a.johari@bh.com.my

Kuala Lumpur: Mahkamah Tinggi semalam diberitahu, Datuk Seri Najib Razak mesti membuktikan bahawa tuduhan meminda Laporan Pengauditan 1Malaysia Development Berhad (IMDB) yang dihadapinya adalah satu penindasan bagi membolehkan beliau membatalkan tuduhan itu.

Timbalan Pendakwa Raya, Datuk Seri Gopal Sri Ram dalam hujahnya, berkata Najib bukan saja mesti membuktikan pendakwaan itu adalah menindas, malah ia juga satu penindasan yang teruk ke atas beliau.

Bagi membuktikan perkara itu, mahkamah perlu melihat kepada fakta dalam setiap kes

sama ada ia membawa kepada penyalahgunaan proses mahkamah.

"Kami menyatakan bahawa ujian elemen menindas yang sangat tinggi dan elemen penyalahgunaan tidak berjaya dibuktikan oleh pemohon (Najib) untuk membatalkan tuduhan itu.

"Setakat yang diketahui, belum ada kes seumpamanya yang berjaya membuktikan elemen 'menindas' ini di mahkamah. Selain itu, kes kami pula bukan setakat bergantung kepada keterangan oleh saksi dalam perbicaraan setakat ini, malah ada lagi saksi lain yang akan dipanggil bagi membuktikan wujudnya habuan yang diterima tertuduh," katanya.

Sri Ram berkata, Najib juga tidak boleh menggunakan peruntukan Seksyen 173(g) Kanun Acara Jenayah (KAJ) dalam permohonan membatalkan tuduhan itu kerana peruntukan berkenaan hanya membabitkan prosedur yang dijalankan oleh Mahkamah Majistret dan Mahkamah Sesyen, bukannya di Mahkamah Tinggi.

Sementara itu, peguam Tan



Najib hadir ke Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur, semalam.

(Foto Hairul Anuar Rahim/BH)

Sri Muhammad Shafee Abdullah berhujah, Mahkamah Tinggi boleh melalui bidang kuasanya dengan menggunakan budi bicara untuk membenarkan permohonan anak guamnya mengikut Seksyen 175 KAJ.

Tuduhan pindaan yang dikenakan ke atas Najib adalah mengelirukan terutama melalui penggunaan perkataan dalam tuduhan, manakala keterangan yang saksi penting pendakwaan tidak menyokong fakta yang dikemukakan dalam tuduhan.

"Tuduhan juga tidak mendedahkan sebarang kesalahan mengikut Seksyen 23 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) di mana ia gagal menyatakan tindakan salah oleh tertuduh berpunca daripada penyalahgunaan yang disengajakan iaitu elemen asas bagi

kesalahan. Kami turut menghujaikan bahawa tuduhan itu adalah tidak berasas," katanya.

Selepas mendengar hujahan kedua-dua belah pihak, Hakim Mohamed Zaiqi Mazlan menetapkan pada 7 Ogos ini bagi keputusan.

Najib, 67, didakwa menggunakan kedudukannya untuk mengarahkan pindaan dilakukan terhadap laporan akhir audit IMDB sebelum dibentangkan kepada Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) untuk mengelakkan sebarang tindakan diambil terhadapnya.

Bekas Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) IMDB, Arul Kanda pula didakwa bersubahat dengan Najib dalam membuat pindaan ke atas laporan itu, untuk melindungi Najib daripada dikenakan tindakan.